

TAJUK : PENGUMPULAN TRADISI LISAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

MAKMAL/ARKIB SEJARAH LISAN
JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

JAWATAN KUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
MUZIUM NEGERI
NEGERI SEMBILAN

Kod Projek: 92/83

Tahun 1983/84

Projek Dokumentasi Keterangan Tradisi Lisan
Negeri Sembilan dan Naning

Tajuk: Salasilah Naning

Keterangan tradisi lisan ini telah dituturkan oleh allahyarham Haji Abdul Aziz bin Md. Som bertempat di rumahnya Kampung Arongan, Pulau Sebang. Allahyarham telah dilahirkan di Kampung Pulau Sebang pada tahun 1908.

Dari keterangan yang diberi allahyarham memang minat dalam hal adat Naning dan salasilah wilayahnya. Pengetahuan ini adalah didapati dari penuturan orang-orang yang terdahulu. Penuturannya adalah berjalan dengan lancar. Ketika wawancara ini dibuat allahyarham adalah dalam keadaan uzur.

Selang beberapa minggu sesudah rakaman ini dibuat beliau telah menghembuskan nafas yang terakhir. Ini adalah merupakan sebagai contoh bahawa keterangan tradisi lisan ini akan turut hilang bersamanya jika tiada usaha dokumentasi ini dibuat.

SALASILAH NANING

Pengkisah : Tuan Haji Abd. Aziz bin Md Som
Tarikh wawancara : 20 Julai 1983
Tempat : Kampung Arongan, Pulau Sebang,
Alor Gajah.

Pada abad yang ketiga belas hingga keempat belas, kumpulan keluarga yang datang daripada alam Pagar Ruyong, Sumatera ada empat kumpulan keluarga iaitu kumpulan keluarga Undang, kumpulan keluarga Semelenggang, kumpulan keluarga Tiga Batu, kumpulan keluarga Mungkal. Bila menyeberang laut, Selat Melaka dan masuk ke Sungai Melaka, mereka berhenti dekat tebing sungai itu untuk bermalam. Dalam bermalam begitu, orang Melayu Melaka datang beramai-ramai bertanyakan, "kemana saudara-saudara dari seberang ni nak pergi?" Maka mereka beritahu, "nak naik ke hululah", nak membuka belah negeri! Maka orang Melaka ni tadi katalah, "Ah! Kami ni suka nak bersamalah!" Setelah bersetujuan menjadilah dia lima kumpulan keluarga ia-itu:

Kumpulan Keluarga Undang
Kumpulan Keluarga Semelenggang
Kumpulan Keluarga Tiga Batu
Kumpulan Keluarga Mungkal
Orang-orang daripada negeri Melaka

Tempat pertemuan mereka di tebing sungai itu dinamakan Kampung Hulu, Melaka. Sebab ia dinamakan Kampung Hulu, ialah bila terbuka Rembau dan Nanning, semuanya membawa hasil mahsul menjual kepada penjajah di Kampung Hulu itulah. Langsung ia dinamakan Kampung Hulu iaitu kampung orang datang daripada sebelah hulu.

Kemudian berjalanlah merata-rata sampai kepada satu tempat lurah iaitu paya luas dan berhentilah di situ untuk mencari ikan tawar, hendak buat lauk.

Dia rasa ikan ini cukup lemak lalu esoknya dia kata, "kita akan menamakan kampung ini Kampung Ikan Lemak", iaitulah yang bernama Kelemak hari ini. Asal namanya Ikan Lemak tu! Ikut tambo ya! Sekarang nama Kelemak, pandai dia oranglah, memang penulis-penulis itu banyak ubah-ubahnyalah ikut fikiran dia tapi ini apa yang sebenarnya mengikut tambo kitalah.

Berjalan lagi, turun bukit naik bukit sampai ke satu bukit lalu yang muda-muda ini dah gaduh rusuk dia dah sakit pula, lalu berhenti untuk bermalam. Mengambil sempena itu, dinamakan bukit itu Bukit Serusuk dekat Sekolah Melekek. Sampai hari ini, namanya Bukit Serusuk.

Berjalan lagi turun bukit naik bukit, sampailah pada satu paya yang luas, orang tua-tua pula sudah gaduh, "kita berhentilah sini, sudah penat", lalu bermalamlah dan diambil sempena orang tua-tua ini tadi begitu, dinamakan paya itu Paya Datuk. Maka berjalanlah lagi terus menerus dalam hutan rimba ini tadi lalu sampailah kepada satu tempat bukit, dia nampak macam buah sukun tetapi bila tengok dekat rupanya buah tempunek. Dia fikir buah sukun, baguslah dia makan, rupanya buah tempunek di atas bukit tu, bukan main banyak lalu dinamakan bukit itu Bukit Tempunek, dekat Taboh itu. Bukit itupun sudah habis, sudah kena sungkur dah!

Berjalan lagi tak ada berapa jauh daripada situ, ternampak satu bukit. Lalu pergilah dia memanjat bukit dan ditengoknya betul-betul keliling itu bagus untuk buka negeri lalu dinamakan bukit itu Bukit Lebar Silau, kerana bila dia lihat di atas bukit tu dia nampak luas. Sekarang dah gelar oleh orang Bukit Lebar Saelan pula. Kemudian dia turun daripada bukit nak menuju ke Bukit Bisa.

Bila turun ke bawah sebagaimana saya telah sebut tadi terjumpa pulau, tiga buah sejajar. Jadi dinamakan Pulau Gelang Tiga Sejajar, oleh sebab terjumpa satu naning iaitu penyengat yang bisa, bercorak kuning terus, di dalam pulau yang tengah. Besar sekali sarangnya! Lepas itu dia berjalan menyeberang, kedengaran pula bunyi taboh, saya dah terangkan tadi, semasa dia pergi mendapatkannya dekat satu pokok terap, dia tengok taboh yang paling besar, dia berbunyi menyambut kedatangan. Selepas daripada itu, langsunglah dia naik atas Bukit Bisa ini. Yang bernama Bukit Bisa ini tadi depan masjid itu yang ada hutan sikit itu. Tanah ini memang tidak dibenarkan dibuka dan daripada dahulu kala itulah dia kayunya. Semasa orang putih juga, memang tidak dibenarkan dibuka, dijadikan oleh orang putih dahulu 'village timber reserve'.

Sebelum penerokaan dimulakan kumpulan-kumpulan tadi bermesyuaratlah menentukan kawasan masing-masing. Maka dibahagilah Naning ini pada empat bahagian. Tiap-tiap kumpulan mendapat suku bahagian. Huruf suku ini timbul adalah disebabkan oleh pembahagian tanah ini tadi dan bila sudah dibahagi tanah ini terpulanglah kepada Undang, Undang tak disebut suku, cuma disebut Kumpulan Keluarga Nan Bergajah Tunggal. Sebetulnya Undang tak ada suku, cuma Kumpulan Keluarga Nan Bergajah Tunggal. Yang ada dalam kumpulannya iaitu seorang Undang iaitu Dato' Naning beserta dengan empat orang pembesar Undang, waris Undang Naning bergelar:

Dato' Seri Maharaja
 Dato' Lela Maharaja
 Dato' Menteri ke Hulu
 Dato' Syahbandar

yang dilantik oleh Undang sendiri daripada keluarganya, sebagai pelapis kepada Undang Naning. Orang ada sebut juga, suku Tabohlah, suku itu, jadi orang sebutlah tetapi ini pada asasnya begitulah.

Seperti yang saya telah jelaskan, peneroka yang bertanggungjawab membuka negeri Naning ialah orang-orang suku Semelenggang,

Suku Tiga Batu
Suku Mungkal
Suku Anak Melaka

Zaman beredar musim berganti, hingga kini terdapat 44 pecahan suku penduduk Naning.

Suku-suku tersebut telah banyak berpecah disebabkan oleh Peperangan Naning dengan Inggeris pada tahun 1831 hingga 1832. Peperangan itu menyebabkan orang-orang Naning telah berpecah. Di awal abad yang kedua puluh, orang-orang Naning telah berkumpul dan masing-masing telah memperkenalkan diri dengan suku masing-masing, contohnya seorang dari Pegoh pergi ke Batang Melaka dan dia daripada Suku Tiga Batu. Sesampainya di Batang Melaka, ia memperkenalkan sukunya Tiga Batu Nisan Tinggi kerana dikatakan dahulu moyangnya mempunyai batu nisan yang tinggi. Dengan itu lebih mudah ia dikenali dengan panggilan suku Tiga Nisan Tinggi atau dalam kata lain, untuk lebih dikenali, mereka menambah nama tempat datangnya mereka. Itulah sebabnya terdapat banyak pecahan suku di dalam Adat Perpatih Naning:

A: Suku Semelenggang

1. Semelenggang Bunga Tanjung
2. Semelenggang Batu Kikir
3. Semelenggang Air Hangat
4. Semelenggang Melekek
5. Semelenggang Naning
6. Semelenggang Perut Ibu
7. Semelenggang Empat Ibu
8. Semelenggang Punggol
9. Semelenggang Pulau

B: Suku Anak Melaka

10. Anak Melaka Paya Dalam
11. Anak Melaka Limau Purut
12. Anak Melaka Paya
13. Anak Melaka Kundangan
14. Anak Melaka Sungai Buluh
15. Anak Melaka Rembau
16. Anak Melaka Kampung Bukit

C: Suku Mungkal

17. Mungkal Kemus
18. Mungkal Perling
19. Mungkal Bidara
20. Mungkal Arungan
21. Mungkal Macap
22. Mungkal Ciniaga
23. Mungkal Kuala Inar
24. Mungkal Segamat

D: Suku Tiga Batu

25. Tiga Batu Lubuk Kepung
26. Tiga Batu Kemus
27. Tiga Batu Belang
28. Tiga Batu Ciniaga
29. Tiga Batu Nisan Tinggi
30. Tiga Batu Cerana Putih
31. Tiga Batu Seri Air
32. Tiga Batu Peliang
33. Tiga Batu Kampung Padang
34. Tiga Batu Tanjung Balai

E: Suku-suku lain

35. Suku Tiga Nenek
36. Suku Paya Kumboh
37. Suku Tanah Datar

38. Suku Batu Hampar
39. Suku Batu Hampar Agam
40. Suku Batu Hampar Penajis
41. Suku Biduanda Waris
42. Suku Biduanda Dagang
43. Suku Biduanda Segamat
44. Suku Biduanda Rembau

Adat Perpatih Naning dijalankan oleh Lembaga Undang Naning. Lembaga ini mempunyai tujuh orang anggota, tidak termasuk Dato' Naning. Selain daripada itu terdapat juga empat orang pembesar Naning yang mengawas Adat Perpatih itu dijalankan. Tujuh lembaga tersebut ialah empat orang Tiang Balai dan tiga orang Isi Balai. Jika ada apa-apa masalah yang timbul di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning, maka perkara itu akan dibawa kepada Lembaga Undang tadi yang diketuai oleh Dato' Naning. Beliau mempunyai ^{kueso} untuk membatalkan segala keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Undang tersebut. Segala mesyuarat mengenai masalah yang timbul dijalankan di Balai Taboh.

Buat pertama kalinya pada masa sekarang, ketika Dato' Mohd Shah ini telah disediakan sebuah balai resmi oleh kerajaan. Perlembagaan Naning yang dijalankan itu terdapat di dalam Perlembagaan Negeri Melaka. Oleh itu segala keputusan mesyuarat yang dipersetujui oleh Dato' Naning akan diakui oleh Kerajaan Negeri Melaka seperti di dalam soal-soal menyelesaikan tanah di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning mengikut Adat Perpatih Naning itu sendiri.

Kumpulan peneroka ini adalah orang yang mengamalkan cara hidup yang berasaskan adat. Peraturan hidup yang demikian diamalkan di Naning. Apa makna adat?

Adat bermakna serupa kita menyebut undang-undang, tidak ada bezanya.

Jadi adat itu, ertinya undang-undang. Bila berdiri satu negeri mesti ada dia punya undang-undang mentadbir, jadi apakah dia undang-undang mentadbir Naning?

Perlembagaan Naning berasaskan kepada:

Alam nan beraja
Luak nan berpenghulu
Suku nan bertua
Anak buah nan beribu bapa

Jika adat itu undang-undang, bermakna kalau berdiri satu-satu negeri, jadi berdirilah adat yang disyorkan kerana nenek moyang kita dahulu apabila datang ke sini telah menganuti agama Islam bukan mengikut Melaka dahulu. Itu sebabnya alam Pagar Ruyong dinamakan 'Serambi Mekah'.

Adat terbahagi kepada empat pecahan, iaitu adat nan diadatkan, adat nan istiadat, adat nan teradat dan adat nan resam. Begitulah pecahannya. Jadi bila dah dapat empat ini, baru dapat kita jalankan pentadbiran. Bila kita mengaji adat ni tadi memang banyak seluk-beluknyalah dan banyak dia punya segi-segi dan bahagian yang panjang-panjang.

Alhamdulillah, selepas daripada itu adat adalah berasaskan kepada Adat Dato' Perpatih Nan Sebatang. Jadi elok kita kenal sedikit siapakah Dato' Perpatih Nan Sebatang: Dato' Perpatih Nan Sebatang adalah adik beradik dengan Dato' Ketemenggungan. Di dalam tambo ada menyebutkan Dato' Ketemenggungan dengan Dato' Perpatih Nan Sebatang adalah satu emak lain ayah di mana Dato' Ketemenggungan yang tua.

Ibunya bernama Indo Citi iaitu saudara Suri Diraja dan ayahnya bernama Sang Sapurba Seri Tri Buana, raja Maliwaman. Dianugerahkan oleh Allah Subhanahu-wataala, mendapat seorang anak laki-laki yang tunggal disebut Sultan Paduka Besar iaitu Dato' Ketemenggunganlah. Kemudian bergelarlal Dato' Ketemenggungan. Apabila ayahnya mangkat maka ibunya berkahwin pula dengan Suri Diraja bernama Citi Bilang Pandai dan dianugerahi mendapat empat orang puteri dan seorang putera iaitu:

Puteri Rino Mandek
Puteri Abun Suri
Puteri Raja Donek
Puteri Seri Alam
Balun

iaitu yang bongsu dan dia ialah Dato' Perpatih Nan Sebatang. Jadi Dato' Perpatih ini anak bongsu dimana ayahnya berlainan dengan Dato' Ketemenggungan iaitu abang tuanya.

Sekarang patutlah saya bawa pula bagaimanakah undang-undang atau adatnya mentadbir bagi Dato' Ketemenggungan, iaitu:

Siapa berhutang siapa membayar
Siapa salah siapa bertimbang
Siapa membunuh siapa kena bunuh

Itu adat Dato' Ketemenggungan ataupun undang-undangnya; tetapi Dato' Perpatih Nan Sebatang ada lain asasnya iaitu adat nan diadakan bagi Dato' Perpatih Nan Sebatang ialah:

Salah cincang memberi pampas
Salah bunuh memberi hidayat
Salah ambil mengembali
Salah makan muntahkan
Salah ~~menak~~ pusaka luruh
Kufur taubat salah menyembah
Sesat di hujung jalan balik ke pangkal jalan
Sesat di hujung kata balik ke pangkal kata
Adat dapatnya tersirat bukannya tersurat
Adat nan bersendi syarak

Syarak nan bersendi kitabullah
 Ular dipalu jangan mati
 Kayu pemalu jangan patah
 Tangan dipalu jangan 'lomba'
 Biar mati anak jangan mati adat

Itu asas undang-undang Dato' Perpatih. Walau bagaimanapun perhubungannya adalah baik. Tidak berpecah begitu luas. Mengikut perbilangan adat, di antara mereka keduanya itu adalah ibarat sawah setampang benih. Maknanya di sini, macam satu sawah setampang benih di mana setampang benih itu maknanya macam kita menanam benih itu ada sebesar-besar ini, (ambil menunjukkan besarnya) kita taruhkan dan itu tampang namanya. Maknanya berapa luas lebar sawah itupun, dia punya benih satu, maka dia baik.

Walaupun pada suatu masa telah berpecah, berbagi negeri pemerintahan, maka pembahagiannya, pertama:

Menghilir ke Kampar kiri
 Tempat air bergelombang
 Tempat ombak pecah memecah
 Tempat pasir nan menjulur
 Tempat pasir nan memutih
 Tempat benteng nan menjulur
 Tempat pulau nan menanjung
 Tempat dagang keluar masuk
 Tempat saudagar berjual beli
 Tempat tongkang keluar masuk
 Tempat perahu lintang pukang

Siapa yang mempunyai? Iaitu Dato' Temenggung dibahagian laut. Itu sebab di Melaka dan di Naning dia tahu adat Dato' Temenggung orang sebelah laut.

Kemudian bagaimana pula untuk bahagian Dato' Perpatih Nan Sebatang:

Menghululah ke Kampar kanan
 Tempat air segantang selubuk
 Tempat pasir timbun menimbun

Tempat akar menyibat dahan
 Tempat kayu bersanggit dahan
 Tempat tupai turun naik
 Tempat kera berlompatan
 Tempat beruk berbui kaki
 Tempat 'sinapas' berulang mandi
 Tempat sikongkang berulang tidur
 Tempat enggang terbang lalu
 Tempat ular tidur berlingkar
 Tempat musang tidur bergelung
 Tempat katak berbunyi malam
 Tempat siamang berguguan
 Tempat ungka bersayu hati
 Tempat pontianak berjeritan
 Tempat gunung nan tinggi
 Tempat padang nan lebar
 Tempat binatang dua kaki
 Padang jauh gagak hitam
 Tengok dekat bangau putih
 Sayapnya lebar kepaknya panjang
 Membumbung tinggi
 Mengelebang menyusur awan
 Hinggap di kayu meranti
 Mana yang jauh nampaklah dia

Maka pulanglah negeri itu kepada Dato' Perpatih Nan Sebatang. Itu
 sebabnya orang Dato' Perpatih di hulu.

Maka mengundanglah Dato' Perpatih. Sekarang dia sudah jadi undang-undang,
 dimana undang-undang Dato' Perpatih mengikut sebenarnya adat nan diadakan:

Salah cincang memberi pampas
 Salah bunuh memberi hidayat
 Salah ambil mengembali
 Salah makan muntahkan
 Salah buat pusaka luruh
 Kufur taubat salah menyembah
 Adat nan bersendi syarak
 Syarak nan bersendi kitabullah
 Adat dapatnya tersirat bukannya tersurat
 Adat nan kata penghulu kata penyelesai
 Kata kadhi kata hakikat
 Kata hulubalang kata menderas
 Kata orangramai kata berbaluk
 Adat nan pertama cupak nan asli
 Kedua cupak buatan

Ketiga kata dahulu menepati
 Keempat kata kemudian nan tak berjanji
 Adat nan berani kerana benar
 Takut kerana salah
 Adat dapatnya nan kecil pada nan besar
 Dapat nan besar pada nan tua
 Dapat nan tua pada nan sudah
 Adat nan ditampung dek undang
 Adat nan ditampung dek lembaga
 Adat nan tak kuning dek kunyit
 Nan tak manis dek gula
 Nan tak lapuk dek hujan
 Nan tak lekang dek panas
 Adat nan dicabut berpantang layu
 Nan dianjak berpantang mati
 Adat nan dicabut layu nan dianjak mati
 Adat nan sesat di hujung jalan
 balik ke pangkal jalan
 Sesat di hujung kata balik ke pangkal kata
 Adat nan ular dipalu jangan mati
 Kayu pemalu jangan patah
 Tangan dipalu jangan 'lomba'
 Maka biar mati anak jangan mati adat

Jadi di situ disebut lagi:

Selagi tak tertimbus parit nan azali
 Selagi tak patah kalam nan tunggal

Maka adat ini, adat nan dijalankan, adat nan diistiadatkan, adat nan di-
 adatkan dan sebagainya berjalanlah terus menerus selama-lamanya. Di situlah
 perbezaan Adat Ketemenggungan dengan Adat Perpatih Nan Sebatang apabila telah
 berbahagi. Dia berbahagi ini bukan di sini, dia berbahagi di Sumatera dulu,
 masa bergaduh dulu, bukan di sini.

Apabila mangkat Dato' Perpatih Nan Sebatang ada tersebut di dalam tambo,
 penggantinya tidaklah lagi bergelar Dato' Perpatih Nan Sebatang tetapi
 bergelar Dato' Bendahara Kuning. Di dalam tambo ada menyebut bahawa
 kebesaran Dato' Bendahara Kuning dikiaskan dengan gajah gadang patah gading.
 Gadang ini adalah 'godang' bagi kita atau besar iaitu dikiaskan gajah besar
 yang gadingnya patah. Namun lembaga tertinggi terletak pada dewan juga.

Maksudnya kekuasaan terletak pada kebulatan di Balai Nan Bertunggak Teras Jelatang dan ini terdapat dalam teromba. Di Naning ini pula terletak di Balai Nan Tinggi di Istana Lampajang Naning.

Gajah itu tetap diakui gedang atau besar tetapi besar atau gedangnya itu, gadingnya patah. Bererti kebesaran atau kegedangan gajah itu tadi tak boleh dipengaruhi oleh demokrasi. Jadi Perpatih ini adatnya memang demokrasi.

Jadi dikuncilah dengan:

Ketuk paku kacang belimbing
Tempurung dilenggang-lenggangkan
Tinggal memerun di suasa
Anak dipangku, kemanakan dibimbing
Orang kampung diperlenggangkan
Supaya negeri jangan rosak binasa

Itu kunci! Kalau adat nan diadatkan:

Kalau dibalun sebalun kuku
Kalau dikembang selebar alam

Maksudnya, adat ni, kalau kita nak kembangkan, selebar alam, kalau dibalun sebalun kuku. Balun sebalun kuku maknanya kita buat semacam ini (sambil menunjukkan contohnya) dan itulah banyaknya. Kalau dikembangkan, selebar alam, di dalam adat nan istiadat.

Kemudian tersebut di dalam tambo kita, Dato' Ketemenggungan dikiaskan beliau tidur berbantal beriring, maknanya dia ada bantal peluk kalau dia tidur. Ini kiasanlah iaitu banyak tidur daripada berjaga. Maksudnya beliau adalah orang yang senang dan beristana di Bunga Setangki Sungai Tarap.

Bagi Dato' Perpatih nan Sebatang, dikiaskan pula, beliau tidur berbantal kerambit iaitu bulat, banyak berjaga daripada tidur pula. Beliau menjauhkan kesenangan

peribadi, di mana kata adat:

dapat sama laba
Cicir sama rugi
Hati kuman sama di cicah
Hati gajah sama dilapah

Begitulah Perpatih - - alhamdulillah.

Dipercayai bahawa Naning adalah salah satu dari wilayah adat Perpatih yang dikenali Negeri Sembilan. Pada abad yang keenam belas, sembilan buah negeri yang kecil-kecil termasuk Naning bercantum menjadi satu dan dinamakan Negeri Sembilan. Itu sebabnya Negeri Sembilan. Mana dia sembilan buah negeri yang kecil-kecil sehingga ke abad yang keenam belas?

Segamat
Naning
Rembau
Sungai Ujung
Jelevu
Johol
Kelang
Jelai
Ulu Pahang

Jadi sembilan negeri kecil-kecil pada zaman itu, bercantum menjadi satu dinamakan Negeri Sembilan. Jadi maknanya Negeri Sembilan mengandungi sembilan luak ataupun sembilan negeri. Di dalam kumpulan yang sembilan itu tadi, yang betul-betul menganut Adat Perpatih Nan Sebatang iaitu yang cukup kuat ialah:

Naning
Rembau
Sungai Ujung
Jelevu
Johol

Lima negeri ini yang betul-betul kuat pasal kita datang dari alam Pagar Ruyong.

Segamat, sekarang dia habis, orangnya lari masuk ke Daerah Naning iaitu ke Batang Melaka dan Nyalas. Nak mengenal dia tu tadi, apa suku sana! Suku Mungkal, maka

suku Mungkal Segamat. Aa... kita tahu, dia datang dari Segamat. Begitulah
duduknya. Kelang! Itu sebabnya Sultan Selangor tidak beristana lain
tempat daripada Kelang pasal itu negerinya yang asal.

Jelai dan Ulu Pahang mendap begitu saja dan Sultan Pahang mesti menghulu
sungai itu kerana ada tempat-tempat yang dia ziarahnya. Begitu tertubuhnya
Negeri Sembilan. Bila kalah perang, Negeri Sembilan tak ada lagi dah kerana
Naning dah masuk Melaka, Segamat dah hilang, Kelang dia sendiri, Jelai dan
Ulu Pahang dia sendiri cuma tinggal empat! Maknanya Negeri Sembilan tak
ada, dia dah jadi Negeri Empat:

Rembau
Johol
Sungai Ujung
Jelebu

Tanah Naning ini memanglah satu negeri yang merdeka sejak dari ia dibuka
hinggalah tahun 1832. Zaman Portugis di Melaka kita telah berperang juga
dengan Portugis tetapi Portugis tidak dapat mengalahkan Naning. Tetapi
orang ada berkata kononnya Naning ini masuk dalam jajahan Portugis pada
tahun 1511. Kemudian zaman Belanda dikatakan Naning telah menjadi hak
Belanda, yang sebetulnya tidak! Walau bagaimanapun dalam peperangan tahun
1831 hingga bulan enam 1832, Naning pun jatuh ke tangan penjajah iaitu
orang British.

Hujan berpurun sakit mula
Hujan berpurun, kata pangkal
Sakit mula mati bersebab

Kata adat apa sebab kalah? Kalau tidak ada hantu dalam rumah, pencuri tidak
dapat masuk! Ada hantu dalam rumah! Siapa jadi hantu? Iaitu Syed Shaaban,

'na'uzubillahi min dza-lik', dia jadi 'The Traitor to Naning'! Hari ini dia menjadi Tunku Besar Tampin! Yang sebetulnya diangkat oleh orang putih 'The Great Warrior', bukannya raja! Orang putih mengaku peperangan kita adalah 'spiritual warfare' iaitu peperangan ghaib! Berapa peluru kau ^ltempak nampak orang macam itu juga! Tapi hantu ini telah memberitahu rahsianya. Maka hilanglah kita punya peperangan 'spiritual warfare' itu dan pecahlah kubu Taboh pada pagi-pagi bulan enam tahun 1832!

'Traitor' ini, dia mendapat anugerah jasa baiknya dari penjajah!, diberinyalah tempat di Tampin. Pada masa itu, Almarhum Dato' Dol Said telah membuat satu sumpah kerana perbuatannya, pasal dulu dia sama dengan kita daripada pasukan Rembau menolong kita berperang, kemudian kita tak tahu dia pusing kiri kanan, Syed Shaaban orang Arab ini, dia jumpa dekat Cheng, batu limalah berpakat dan ikut jalan laut pergi ke Lubuk Cina, bermuafakat dengan Undang Rembau bersama lembaganya.

Ketika itu Dato' Lembaga tidak tahu menulis, dia cuma pakai cap! Sudahlah tahan, berhentilah engkau, kau tak tolongpun tak apalah, dia pergi ke sana bersama-sama dengan orang putih! Naik ke atas, sampai Kampung Taboh dia bakar rumahtangga kita berapa banyak! Dia punya jahat itu tadi! (marah)

Jadi maafilah saya cakap besar ni! Saya bukan nak marah, tapi bila kena macam ini tak bolehlah! Jadi pada subuh-subuh jatuhlah kubu Taboh dekat masjid itu! Maka Almarhum Dato' Dol Said melarikan diri daripada kongsi-kongsi British ini. Dengan itu jatuhlah Naning.

Pada masa itu dibahagi-bahagilah, dimasukkannya dalam peta negeri Melaka yang

ada pada hari ini. Kerajaan punya dasar perintah ialah belah-belah, bahagi-bahagi dan perintah, lalu dibahagi-bahagilah negeri Melaka ini kepada tiga daerah! Pertama Melaka Tengah, kedua Daerah Alor Gajah dan ketiga Daerah Jasin.

Naning duduknya separuh dalam Daerah Jasin, separuh dalam Daerah Alor Gajah. Itu satu bukti menunjukkan, dulu kita kemudian dia! Kemudian didirikannya pula empat belas mukim. Tiap-tiap satu mukim itu dilantiknya orang Melayu di situ satu penghulu. Pada hal, penghulu satu saja dalam Naning, tak ada lebih. Dari mana datang huruf penghulu? Mengikut kajian kita, penghulu datangnya daripada 'pemegang hulu'. Jadi penghulu besar kita, Nabi Muhammad saw. Di situlah datang huruf penghulu, asalnya pemegang hulu, maknanya siapa pegang hulu, dia penghululah, jadi pedang pemancung, tali pengikat ada di tangan penghulu. Dibuatnya empat belas mukim dimana tiap-tiap mukim dilantik seorang penghulu. Mana dia empat belas mukimnya?

Kelemak dilantik seorang penghulu bernama Manja, Kelemak Pegoh namanya Mamat, Melekek namanya Maulana Sultan, Taboh namanya Safar, Lendu namanya Timan, Air Pak Abas namanya Dol, Berisu namanya Aluddin, Sungai Siput namanya Laut, Padang Sebang namanya Kurah, Tanjung Rimau namanya Lingku, Pulau Sebang namanya Talib, Kemuning namanya Udin, Tebung nama Dol dan Batang Melaka namanya Pucak. Ini dia empat belas mukim yang tiap-tiap satu mukim diletaknya seorang penghulu.

Jadi dia nak mematikan jawatan penghulu pada Undang ini tadi, itulah kerjanya, alhamdulillah, sehingga hari ini, Naning telah mempunyai 25 buah mukim. Hari

ini, Naning yang bernama Naning itu tadi ada 25 mukim hari ini yang disebut dalam perlembagaan, Wilayah Adat Perpatih Naning, 'In The Constitution of the State of Malacca'. Besok kalau ditanya nama Naning, jadi mesti katalah, Naning yang bernama Naning itu tadi, 25 mukim dan Naning itu disebut hari ini, Wilayah Adat Perpatih Naning.

Mana dia mukimnya yang 25 itu? Nombor satu:

Ramuan Cina Besar
 Ramuan Cina Kecil
 Sungai Baru Ulu
 Masjid Tanah
 Sungai Siput
 Taboh Naning

Aa... tengok ni Taboh Naning, dia ni dua, dia buatnya mukim dan dinamakannya Taboh Naning, pada hal Taboh kepala negeri, Naning nama negeri, dibuatnya mukim ditaruhnya Taboh Naning.

Pegoh
 Kelemak
 Pulau Sebang
 Tanjung Rimau
 Padang Sebang
 Gadek
 Melaka Pindah
 Berisu
 Air Pak Abas
 Lendu
 Sungai Buluh
 Melekek
 Rumbia
 Sungai Petai
 Kemuning
 Tebung

Kesemua 22 buah mukim ini duduknya dalam Daerah Alor Gajah.

Batang Melaka

Jus
Nyalas

Tiga mukim ini duduknya di dalam Daerah Jasin. Begitulah duduknya Naning sampai ke hari ini dan telah beralih namanya iaitu Wilayah Adat Perpatih Naning. Ini mengikut kehendak adat:

Sekali air, raja berganti
Sekali air adat berkisar
Sekali air bah, sekali pasir berubah

Sebenarnya Adat Perpatih ini iaitu Adat Perpatih Nan Sebatang tak boleh sesiapa bercakap Adat Perpatih Nan Sebatang dengan sebab yang menganuti Adat Perpatih Nan Sebatang bukan saja Naning tetapi dianuti juga oleh Rembau, Johol, Sungai Ujung dan Jelebu. Jadi maknanya kita ini tadi mengikut masing-masing punya luak ataupun wilayah, ada Undangnya dan adat ini tadi iaitu undang-undang boleh kita ubah suai. Jadi maknanya sekarang yang mustahaknya iaitu bila kita tahu adat itu undang-undang iaitu adat nan diadatkan, adat nan istiadat, adat nan teradat dan adat nan resam. Jadi dalam perkara adat nan teradat ni atau adat nan diadatkan atau adat istiadat boleh berubah. Tetapi asas kita di sini adalah berasaskan kepada Adat Dato' Perpatih Nan Sebatang.

Jadi maknanya Adat Perpatih Naning yang berasaskan kepada Adat Dato' Perpatih Nan Sebatang, Naning, tapi ini siapa punya?. Naning punya! Jadi bila sebut Adat Perpatih Naning ianya adalah yang berasaskan kepada Adat Dato' Perpatih Nan Sebatang. Itu sebabnya. Rembau juga berasaskan kepada Adat Perpatih Nan Sebatang, sebab kalau Adat Perpatih saja, ada pertelingkahan dari segi adat nan diadatkan. Mana dia contoh asas! Sekarang di Naning adat hantaran, nikah

kahwin dan semenda menyemenda, tetap mengikut peringkat tetapi di Rembau ada juga adat hantaran tapi banyaknya tak sama dengan kita.

Ada perbezaanlah! Kerana perbezaan tadi, kita tak boleh katakan Adat Perpatih Nan Sebatang di sini (kerana) Rembau lain, Naning lain, apa pula adat ini, tak betullah. Kalau Rembau, adat Rembaulah dia, kalau Naning, Adat Perpatih Naning. Jadi yang saya cakap ni khas dalam Naning saja, semuanya dalam Naning, maka itulah sebabnya, dikatakan Adat Perpatih Naning yang berasaskan daripada Adat Perpatih Nan Sebatang. Asas tadi ada hantaran, Rembau pun ada hantaran, mesti ada tapi banyaknya tu berlainan.

Nan diadatkan, itu mesti ikut, macam 'subject matter'. Contohnya sekarang bagi nan diadatkan ialah, apakah adat nan diadatkan kepada manusia? Adat nan diadatkan kepada manusia, jawabnya mesti berkain, berbaju, tak bertelanjang! Ini mesti! (sambil mengetuk meja) Itu mesti buat. Tak ada dia tak pakai baju, bertelanjang pun tak ada, melainkan orang gila lainlah cerita.

Nan istiadat, istiadat maknanya majlis, istiadat apa? Istiadat minum teh, istiadat nikah kahwin, istiadat bercukur dan istiadat jamu makan. Istiadat ini maknanya satu majlis. Jadi maknanya nan diadatkan pada nan diistiadatkan tu apa? Itu maknanya tu! Dah nampak tu ya! Jadi kalau istiadat minum teh, nan diadatkan dalam istiadat itu tadi mesti ada teh, kalau tak ada teh tak boleh disebut minum teh. Istiadat minum kopi, mesti ada kopi, itu nan istiadat.

Nan teradat! Nan teradat macamana? Di dalam istiadat nikah kahwin dan semenda menyemenda, ada satu adat yang boleh berjalan sendiri, boleh dimasukkan dalam tu, macam kita nikah kahwin, kan ada tengok pakai jambul, bersunat dan khatam

mengaji. Khatam mengaji dan memakai jambul dia boleh berjalan sendiri, ada dia punya adat. Tapi untuk ekonomi:

Sekali merak pura
Dua tiga batang bayan

Campurkan semua dalam tu, itu zat nan teradat, tak jadi salah.

Yang teradat bererti diluluskan oleh adat. Bukan lazim, lazim tak masuk adat. Bila beradat, tak mahu disebut^t lazim tu, ini dah diadatkan begitu, jadi itu yang teradat, iaiatu boleh buat dia sendiri kerana ada aturcaranya pula? Khatam mengaji tadi dimasukkan dia dalam istiadat iaitu satu istiadat lain, kita masukkan, sah! Itu namanya teradat.

Nan resam, di sinilah datangnya yang disebut orang, kebudayaan. Nan sebut kebudayaan ini, itulah nan resam. Mana contohnya? Kampung kita buat penganan (dodol), Rembau buat lemang, Melaka buat ketupat. Tak ada pula, biar mati anak janganⁿ mati adat, dia adat juga! Tak ada pula orang bunuh orang, bunuh anak!

Itu adat nan resam, ada duit buatlah, tak ada duit biarlah. Jadi dikatakanlah adat nan resam. Begitu jalannya. Pakaian, saya pakai macam ini ha! Ini nan diadatkan, baju Melayu. Nan diadatkan baju Melayu, ada kopiah, ada baju, ada kain sampin dan ada seluar. Macam 'you' pakai ini, nan resam! Pakai kemeja, pakai seluar, tak salah, maknanya tu buat tak salah, jadi nan resamlah!

Hukum syarak, dia bersendi! dia bersendi! Adat bersendi syarak, syarak nan bersendi kitabullah dan tak boleh cerai. Itu yang adat kata:

Adat dapatnya tersirat
bukannya tersurat

Apa makna dapat tersirat, bukannya tersurat? Maknanya kita tak boleh (mengarang) untuk adat ini! Ia mengikut siratannya pada kitabullah. Itu sebab adat tu undang-undang! Dia itu tadi syarak tapi syarak apa babnya? Nan tahu babnya, bab mengaji, bab berzanjikan? Kita ini adat, dia itu syarak, samalah itu, dua huruf itu serupa (maknanya). Jadi kita adatkan adat dapatnya tersirat bukan tersurat, maknanya daripada apa siratan yang kitabullah tu buat, bila kata haram oleh syarak, salah bagi adat! (sambil mengetuk meja)

Mana contohnya yang paling kecil?:

Sumbang kedudukan
Sumbang perjalanan
Sumbang percakapan
Di antara laki-laki dan perempuan

Inilah yang paling kecil. Apa sebabnya, syarak tegah? Kerana salah! Haram perbuatan itu! Kan lelaki dengan perempuan macam itu bersekedudukan tu! Bagi adat, salah! Bila satu-satu benda tak dapat diputuskan iaitu tak ada adatnya, atau tak ada undang-undang, kita jumpa, maka ikutlah kehendak adat yang berbunyi:

Sesat di hujung jalan
Balik ke pangkal jalan
Sesat di hujung kata
Balik ke pangkal kata

iaitu jalan mana, kata siapa? Yang kita nak balik ini? Jalan Allah iaitu perkahwinan, kata mana? Sabda Rasulullah saw. Quran dan hadis, rasullullah, kita balik ke sana. Itu tandanya adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah.

Dalam Adat Perpatih Naning ini, bila sebut harta itu, mestilah ada seluruhnya,

dia tak ada sikit-sikit. Kalau bercakap harta, seluruh harta mesti masuk.

Ada empat jenis harta iaitu:

Harta pusaka suku
Harta pusaka waris
Harta pusaka melayang
Harta pusaka terjeli

Semua itu harta! Macamana dikatakan harta pusaka suku? Iaitu segala tanah-tanah yang telah diadatkan adalah harta pusaka suku. Keduanya segala gelaran kebesaran bagi suku masing-masing macam Dato' Menara, Dato' Baginda, itupun harta juga, dalam Perpatih.

Ketiganya segala mata benda yang boleh bergerak seperti keris, pending, juga harta tu! Harta pusaka suku! Keempat, batang tubuh kita ini! Semuanya harta pusaka suku kita, kau suku Anak Melaka, batang tubuh kau tu, suku Anak Melakalah yang punya harta, sampai begitu dalam perginya. Yang kelima, sebarang jenis harta yang pada mulanya pusaka waris dan diadatkan pula menjadi harta pusaka suku. Macamana rupanya, mula-mula pusaka waris, dia boleh jadi harta pusaka suku?

Jadi penerangannya begini, senang saja, harta pusaka waris menjadi harta pusaka suku. Contohnya kau pergi kahwin iaitu menyemenda (dengan seorang) perempuan dari suku Mungkal. Tempat menyemenda ada beri kau sebuah rumahlah, dapatan, ya tak?

Rumah itu buruk saja, Rumah ni dalam tanah pusaka. Ganti rumah baru buat di situ dengan tidak engkau menyerahkan pada tempat semenda engkau, rumah tadi. Bagi adat, kalau nak pecah rumah, nak buat rumah lain di situ atau di mana,

rumah ini, kau mesti serahkan. Alah janji menang janji. Jadi rumah yang semacam itu, jadi harta pusaka suku.

Harta pusaka waris jadi harta pusaka suku, jadi macam mana? Kau buatlah rumah dalam tanah pusaka orang, buat rumah yang 'terunjang terus' macam rumah ini (rumah pengkisah) dia terunjang ke bumi, jadi harta pusaka suku itu! Serupa juga kita menanam kelapa, durian dan apa semua itu, itu menjadi harta pusaka suku juga. Dia tak boleh bergerak, terunjang terus. Itu jenisnya yang kata harta pusaka waris menjadi harta pusaka suku itu tadi, ya! Kemudian harta pusaka 'tejoli'.

Macam segala gelar-gelaran tu, pusaka terjelilah! Macam imam, suku mana punya? Suku Anak Melaka, maknanya imam ini harta pusaka terjeli tu tidak boleh suku lain nak hendak (memiliki)nya. Imam tentu suku Anak Melaka punya. Itu macamana saya katakan tadi, dah tentu khas kepada dia. Bilal! Mesti orang Tiga Batu punya, tidak tak boleh orang Mungkal hendak mengatakan dia yang punya. Khatib! Itu orang Semelenggang punya! Begitulah susunannya, senang! Pasal ada kunci-kuncinya.

Kemudian, selepas harta yang di atas, bila kahwin pula, timbul pula harta pembawa dan harta pendapatan. Harta pembawa sebelah lelaki, harta pendapatan sebelah perempuan. Kemudian suami isteri mencari bersama dan dapat satu harta lagi iaitu dinamakan harta carian. Perbilangan mengatakan dapatan tinggal pembawa kembali. Sebab apa? Sewaktu nikah kahwin dan semenda menyemenda dulu, dah janji dah! Di antara dua wakil ini berjanji. Adat timbul balik, masa itulah berjanji:

'Tumbuh, dia kata
 Malang dah menimpa, kata dia
 Untuk dah melambung pulak
 Cerailah anak buah kita
 Maka kenalah mengikut adat nan diadatkan
 Kok cari bagi
 Dapatan tinggal
 Pembawa kembali

Itu perjanjian. Dia dah memulang, jadi ikut janjilah, cari bahagi, dapatan tinggal, pembawa kembali.

Soal harta suami isteri ini (harta carian) agak berbeza di antara apa yang
 diamalkan di Naning dengan Adat Perpatih Negeri Sembilan. Kita di sini,
 kalau berpecah-belah atau mati kita amalkan:

Putus belah seorang beragih
 Dapatan tinggal
 Pembawa kembali

Di Naning, putus belah seorang beragih! Di Negeri Sembilan mati laki dapat
 ke bini, mati bini dapat ke laki. Di Wilayah adat Negeri Sembilan ditentukan:

Bertompok bak kurap
 Berjinjing bak rusa
 Umpok masing-masing
 Umpok dia, dialah
 Umpok kita, kita

Hal Naning bukan! Hal Naning macam ini:

Cerai mati, putus belah
 Seorang beragih
 Dapatan tinggal
 Pembawa kembali

Dua tu mesti ikut! Yang harta pencarian ini, putus belah seorang beragih,
 maknanya kita hidup berdua, kau jadi bini saya, saya laki. Masa hidup, saya
 beli tanah dan letak nama kau, maknanya saya dah redha beri kau, betul tak?

Itu maknanya putus belah seorang beragih, mati saya, harta tu tak boleh di-
umpil lagi iaitu harta pencarian itu, itu sudah jadi milik kau.

Sebab kita dua dah janji dulu. Ini umpok kau! Itu maknanya putus belah
seorang beragih! Itu sebab letak nama kau, taruh nama isteri. Tak boleh
orang usik harta pencarian. Itu dah habis, bila dalam geran tanah dah di-
tuliskan nama dia, hak dialah! Tak boleh kata, "mati bini dapat ke laki, mati
laki dapat ke bini". Pada kita tak ada. Pada kita, putus belah seorang
beragih. Jadi (kesudahannya) ada tujuh jenis harta dalam Naning iaitu:

Harta pusaka suku
Harta pusaka waris
Harta pusaka terjeli
Harta pusaka melayang
Harta pembawa
Harta pendapatan
Harta pencarian

Tujuh jenis harta dalam Naning dan begitulah duduknya harta-harta itu!
Kata adat dalam soal harta inilah, perbilangan-perbilangannya yang men-
jelaskan pengasingan, pembahagian antara harta pusaka, harta pembawa,
harta dapatan, harta carian, pusaka suku dan pusaka waris.

Harta pusaka suku, harta ini pada abad yang ketiga belas, waktu membuka
tanah Naning, telah diistiharkan iaitu telah diadatkan, menjadi harta
wakaf zuriat sukunya masing-masing. Harta pusaka menjadi wakaf zuriat,
dia tak ada harga, jadi maknanya :

Jual tak makan beli
Gadai tak makan tebus

Maknanya tak boleh dijual dan tak boleh digadai, dia turun temurun dan tak ada harga. Itu harta pusaka suku - -

Banyak (juga) orang bersungut," Apa pasal saya laki-laki tak dapat harta, harta pusaka suku, emak saya punya harta, perempuan saja dapat!" Ada juga orang yang bersungut (macam) itu! Pasal dia tidak mengkaji adat! Dia tidak tahu, yang sebetulnya, perempuan dapat nama saja, kuasa pada laki-laki! Yang sebetulnya laki-laki boleh makan harta tu, siapa mengatakan tidak boleh? Pasal zuriatnya, hak! Itu sebab yang tak dapat oleh laki-laki cuma tulis nama dalam geran. Itulah laki-laki yang dikatakan tidak dapat harta tanah pusaka suku! Bukan hasil! Hasil dapat dimakan. Hasil pusaka selalu engkau makan, yang engkau tidak dapat cuma tulis nama engkau. Engkau suku Anak Melaka, dalam geran, tanah pusaka suku Anak Melaka itu, engkau tidak boleh tulis nama laki-laki cuma nama perempuan saja.

Sebab apa? Sebab suku datang daripada perempuan iaitu daripada ibu. Bukan datang daripada lelaki! Nampak tu ya! Baik ini harta, suku kau punya, Anak Melaka, kau pergi kahwin ke Mungkal, beranak, anak kau apa sukunya? Mungkal!

Habis, kau pun mati, nama kau ada dalam geran tanah, pusaka suku. Dia ada hak menuntut, harta pusaka ini, tetapi dia orang Mungkal. Ha! Itulah sebabnya tidak boleh tulis nama. Dalam soal makan, siapa nak tahan makan! Tak boleh tahan makan. Memang dia sesama berhak, walau pondan pun ada hak!

Kodin-kodeh iaitu 'next of kin', cakap orang putih iaitu, siapa yang rapat. Memang semua ada, tapi dia mengikut kodin-kodeh iaitu emak kepada anak,

anak kepada anak dan begitulah seterusnya. Sekarang emak tak ada anak perempuan, ke mana perginya? Anak buah iaitu anak kakak. Macam itulah perginya, pasal nama itu memang tidak boleh pada laki-laki. Tetapi jarang-jarang yang berlaku macam itu. Jarang-jarang malah yang pupuspun ada. Ditakdirkan di Masjid Tanah ini yang berlaku, mengikut ceritanya, di sini putusnyanya. Dia tiga beradik laki-laki, semuanya. Emaknya sudah tidak ada lagi, yang ada ni cuma pangkat sepupu kepada Haji Sidek tu!

Yang perempuan tu, sepupunya iaitu sama anak simati ini. Punyalah cengelnnya tak boleh cakap. Dia bergaduh-bergaduh dengan emak budak ini tadi. Allahyarhamah emaknya hidup lagi, sakit, dijengok pun tidak. Meninggal! Dia pedulikan-nya pun tidak, anak bertiga ini tadi bawa pindah-pindah emak ini dan matilah di rumah anak.

Anak laki-laki ini cerdik, bawa pulang ke rumah dan turunkan di depan rumah dan pergi kebumikan. Apa dia kata? (sepupunya) "Dah mampus esok, denlah punya tanah tu, bukan anak tu! Dia bukan ada anak betina, mampus dia esok, denlah punya," kata dia, "apa pula den nak susah-susahkan".

Ketua adat menasihatkan mereka supaya berunding, tetapi perempuan yang hendak menuntut ini sombong, enggan berselesai, dia kira, dia dah dapat tanah ini. Tentu dapat nama dialah! Maknanya jikalau sekiranya dapat pada perempuan ini tadi, anak lelaki simati yang bertiga ini apa jadinya? Mengikut kata adat, tak ada lagi tempat dah!

Tinggi bangau terbang, nak balik ke
kubang, kubang tak ada
Sireh pulang ke gagang, gagang tak ada

Pinang pulang ke tampuk,
tampuknya tak ada

pasal tak ada pusaka lagi. Kalau dah dapat nama pada perempuan ini tadi, langsung mereka tidak boleh tempuh rumah dan tanah pusaka emak mereka itu. Jadi adat ada berkuasa dalam hal itu. Diberi dia nama seumur hidup dan itulah (kesudahannya). Apabila engkau mati nanti, baliklah pada dia (si perempuan). Selagi kau hidup, nama kaulah. Itu sajalah.